

Penerokaan haram lama punca banjir kilat

Temerloh: Kejadian banjir kilat di Cameron Highlands yang menyebabkan 1,000 Orang Asli terkandas dan beberapa kenderaan dihanyutkan, Ahad. lalu, dikesan berpunca akibat penerokaan tanah secara haram yang lama.

Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata dakwaan mengatakan ia disebabkan pembukaan serta penerokaan tanah baharu diluluskan kerajaan seperti dilaporkan media semalam, tidak benar.

“Yang runtuh itu adalah akibat kesan lama, bukannya kita lulus bulan lalu dan runtuh bulan ini. Ia akibat penerokaan haram dulu. Kita pada masa ini, melalui Kementerian Sumber Asli dan Alam

Sekitar serta Majlis Keselamatan Negara (MKN) cuba menangani masalah ini... tiada lagi penerokaan baharu... sikit kita nampak di sempadan Kelantan-Pahang.

“Kalau pergi ke Lojing lagi teruk, saya malas hendak sebut,” katanya selepas merasmikan Pelan Strategik Pembangunan Perumahan Parlimen Temerloh 2016 - 2020 dan projek Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) Pahang di sini, semalam.

Dalam kejadian banjir kilat di tanah tinggi itu yang bermula kira-kira jam 2.30 pagi, jambatan utama di Kuala Terla yang menghubungkan empat kampung runtuh. Beberapa kereta dan motosikal milik penduduk serta pelancong turut

Fakta
nombor

90 TAHUN

Aktiviti pertanian di Cameron Highlands dilaksanakan

mengalami kerosakan dan hilang dihanyutkan arus sungai.

Adnan berkata, pemantauan penerokaan tanah di pusat peranginan berkenaan kini dilakukan agensi kerajaan persekutuan kerana Kerajaan Pahang tidak mampu berbuat demikian.

Nafi dakwaan Cameron Highlands tak selamat

Dalam perkembangan sama, Ketua Polis Daerah Cameron Highlands, Deputy Superintendan Zainal Abidin Othman, menafikan dakwaan di media sosial kononnya tanah tinggi itu tidak selamat dikunjungi.

“Tiada apa berlaku seperti diuaruikan dalam media sosial sejak

berlakunya kejadian jambatan runtuh di Sungai Ulu Tenom. Nasihat saya jangan ada tohmahan dan memanipulasikan fakta mengenai Cameron Highlands, tambahan pula cuti sekolah sudah bermula,” katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, dalam tinjauan ke tempat kejadian, Jabatan Imigresen turut menahan enam pendatang asing tanpa izin dipercayai bekerja secara haram di kawasan itu.

Zainal Abidin berkata, mereka terdiri daripada tiga warga Bangladesh, dua warga Myanmar dan seorang warga India yang tidak mempunyai dokumen perjalanan sah dan ditahan mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63.